



Jawab di akhirat - Najib

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Tun Razak memberitahu, mana-mana pihak terlibat dalam pembohongan yang membabitkan pertuduhan kes 1Malaysia Development Berhad (1MDB) perlu bertanggungjawab di akhirat kelak.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, musuh politik boleh gembira dan berbangga dengan 'kemenangan sementara' terhadap ketidakadilan yang membabitkan namanya.

Namun katanya, mereka tidak boleh menipu tuhan yang melihat segala kebenaran di sebalik pendakwaan membabitkan namanya.

"Kelak pada hari penghakiman, mereka akan bertanggungjawab dengan pembohongan, pengkhianatan dan pencabulan mereka terhadap keadilan dan undang-undang mereka.

"Tidak dapat dinafikan, di dalam kepercayaan saya, pemerintah dan mereka yang berkuasa, pemerintah negara dan hakim-hakim akan dihisab dan dipersoalkan terlebih dahulu.

"Namun, saya percaya bahawa keutamaan ini bukanlah disebabkan



Musuh politik boleh gembira dan berbangga dengan 'kemenangan sementara' terhadap ketidakadilan yang membabitkan nama saya."

NAJIB TUN RAZAK

kan oleh darjat-darjat ataupun darah dan keturunan mereka, kerana setiap manusia adalah sama di sisi tuhan," katanya.

Najib berkata demikian ketika memberikan keterangan membe-la diri peringkat pemeriksaan utama oleh peguam belanya, Tan Sri Dr Mohamed Shafee Abdullah di Mahkamah Tinggi di sini hari ini.

Menurut Najib, individu yang terlibat dalam siasatan kes 1MDB telah terdesak untuk menyelamatkan diri mereka dengan membuat pembohongan demi

pembohongan untuk mengaitkan dirinya.

Beliau kemudian menyebut beberapa nama antaranya adalah bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Husni Hanadzlah; bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akthar Aziz dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi.

Katanya, mereka telah menukarkan fakta-fakta dengan kepalsuan dan penceritaan demi kebebasan sendiri dan untuk menutup kelemahan diri.

"Mereka hidup bebas tanpa sebarang tindakan undang-undang mahupun sedikit rasa penyesalan, tambahan kesemua kesalahan dan ketidakcekapan mereka mudah diabaikan," katanya.

Bagi Najib, dia kini menjadi mangsa kepada sistem yang kononnya diperbaharui dan sepatutnya digunakan bagi menjunjung prinsip keadilan dan memerangi rasuah, namun telah gagal di dalam memenuhi janjinya.

"Sebaliknya, ia dijadikan sebagai wadah untuk melindungi pihak yang sepatutnya bertanggungjawab, menjaminkan mereka terlepas daripada sebarang tanggungjawab," katanya.